Selari dengan usaha KPM untuk mentransformasi kaedah pdp bagi menepati keperluan generasi abad ke 21, perkembangan terkini menyaksikan trend penggunaan gamifikasi sebagai suatu pendekatan pembelajaran yang semakin mendapat tempat dalam bidang pendidikan. Gamifikasi merupakan satu pendekatan dalam pembelajaran yang memanipulasi elemen-elemen permainan atau mekanik permainan yang bertujuan untuk memotivasi dan melibatkan murid secara aktif dalam pembelajaran (Kapp, 2012). Gamifikasi juga diertikan sebagai satu siri prinsip, proses dan sistem reka bentuk yang digunakan untuk mempengaruhi, melibatkan dan mendorong individu, kumpulan dan masyarakat untuk memacu tingkah laku serta mendapatkan hasil yang diingini (Wang, 2011). Secara umumnya, kajian-kajian literatur yang melibatkan gamifikasi sering merujuk istilah gamifikasi sebagai penggunaan elemen-elemen permainan dalam konteks bukan bermain (Deterding et al., 2011). Gamifikasi pada asalnya merupakan suatu strategi pemasaran dalam perniagaan yang bertujuan untuk mewujudkan kesetiaan pelanggan pada sesuatu produk. Oleh kerana keberkesanan strategi gamifikasi dalam meningkatkan kesetiaan pengguna telah terbukti dalam bidang perniagaan, maka strategi ini telah diperluas dalam bidang-bidang yang lain seperti bidang pendidikan, kesihatan, ketenteraan dan juga kejuruteraan bagi mengubah tingkah laku golongan sasar untuk mencapai objektif-objektif tertentu. Keberkesanan pendekatan gamifikasi dalam konteks pendidikan juga telah banyak dilaporkan dalam kajian -kajian lepas yang menunjukkan dapatan yang signifikan penggunaan gamifikasi terhadap motivasi (Harrold, 2015; Hong & Masood, 2014), pelibatan (Da Rocha, 2016; Armier, Shepherd & Skrabut (2016) dan pencapaian murid (Sanmugam et al., 2016 ; Rouse, 2013) dalam pelbagai peringkat pengajian di dalam dan di luar negara.

Pendekatan gamifikasi dalam pendidikan merupakan antara inovasi dalam kaedah pdp yang dapat memberi manfaat kepada murid (Rohaila Rosly & Fariza Khalid, 2017). Gamifikasi merupakan satu kaedah yang dapat menjadikan pdp lebih aktif melalui pelibatan murid secara menyeluruh dalam proses pembelajaran. Oleh itu, pelaksanaan gamifikasi dalam pembelajaran adalah lebih berpusatkan murid kerana kaedah ini menggalakkan pembelajaran kolaboratif, menerapkan kemahiran berfikir, praktikal, berkomuniti, mempunyai pentaksiran formatif dan menggalakkan pembelajaran untuk kehidupan (Kapp, 2012). Kaedah pdp berkonsepkan gamifikasi juga memerlukan murid menguasai kemahiran asas sebelum melangkah ke peringkat pembelajaran yang lebih tinggi mengikut kemampuan kendiri. Pendekatan gamifikasi juga selari dengan proses pembelajaran yang aktif kerana gamifikasi mampu digunakan untuk memancing murid supaya lebih berusaha bagi menguasai isi kandungan pembelajaran. Hal ini kerana gamifikasi menyediakan ganjaran yang setimpal dalam bentuk mekanik permainan seperti lencana dan pengiktirafan yang sesuai dengan hasil usaha mereka apabila telah mencapai kejayaan pada setiap pembelajaran (Haskell, 2012). Selain tu, penggunaan elemen-elemen gamifikasi seperti unsur penceritaan, penetapan matlamat atau gol, serta tugas dan cabaran dalam pendekatan gamifikasi berupaya memberikan motivasi dan meningkatkan pelibatan murid dalam aktiviti pembelajaran (Chatfield, 2010).

Justeru, bagi mencapai hasrat KPM untuk menyediakan akses pendidikan yang berkualiti dan berupaya untuk memenuhi aspirasi pendidikan dalam bidang sains dan teknologi mengikut peredaran zaman, maka kaedah pdp yang menggunakan pendekatan gamifikasi perlu diberi perhatian sebagai satu inovasi dalam kaedah pembelajaran Sains



secara amnya dan Biologi secara khususnya. Kajian tentang pendekatan gamifikasi sebagai kaedah pdp alternatif ini amat penting untuk dijalankan memandangkan kaedah pdp konvensional yang sering dipraktikkan di sekolah-sekolah seperti kuliah, penggunaan buku teks yang berpanjangan dan penggunaan sistem e-pembelajaran semata-mata membosankan murid (Wagner, 2013).

### 1.3 Pernyataan masalah

Biologi merupakan subjek sains elektif yang diperkenalkan di sekolah-sekolah menengah yang merupakan cabang asas untuk kemajuan bidang sains dan teknologi negarapada masa hadapan. Walau bagaimana pun, saban tahun sejak dari pada tahun 2012, secara puratanya negara mengalami pengurangan enrolmen sebanyak 6000 murid yang mengikuti pengajian dalam aliran sains di sekolah-sekolah menengah di Malaysia (Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar Pendidikan, 2019). Malahan matlamat negara untuk mencapai nisbah 60:40 murid sains sastera sepertinya masih jauh panggang dari api sejak polisi ini diperkenalkan hampir 5 dekad yang lalu. Data statistik menunjukkan pada tahun 2019, enrolmen murid dalam aliran sains di sekolah-sekolah menengah hanya 44% berbanding 49% pada tahun 2012 (Statistik KPM, 2019). Perkara ini lebih serius apabila hanya 19% sahaja daripada 447 000 calon yang menduduki Pentaksiran Tingkatan Tiga (PT3) memasuki aliran sains di Tingkatan Empat pada tahun 2020 (*National STEM Movement*, 2020). Trend penyusutan murid dalam aliran sains ini bukan sahaja membimbangkan, malah ia turut memberi kesan kepada daya tampung



tenaga profesional negara dalam bidang sains dan teknologi pada masa hadapan kerana ianya juga menyumbang kepada kemerosotan jumlah murid aliran sains di institusi pengajian tinggi. Pada tahun 2017, data statistik di universiti awam dan swasta menunjukkan jumlah murid jurusan sains, matematik, kejuruteraan dan pembinaan ialah 334,742 orang berbanding 570,858 bagi bidang-bidang pengajian yang lain (Statistik Pendidikan Tinggi, 2017). Oleh itu, tenaga kerja professional dalam bidang sains dan teknologi yang dihasilkan adalah tidak mencukupi bagi menampung keperluan industri (Kementerian Tenaga, Sains, Teknologi, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim, 2019). Justeru, kepentingan untuk meningkatkan enrolmen murid dalam subjek aliran sains dalam konteks subjek Biologi bukanlah satu agenda yang perlu dipandang enteng.



05-4506832

Penyusutan enrolmen murid dalam subjek Biologi khususnya disebabkan oleh beberapa faktor. Kajian oleh Phang et al. (2014) daripada sorotan analisis ke atas 344 tesis di Malaysia mendapati bahawa selain daripada faktor-faktor kesukaran pembelajaran, tahap keyakinan akademik yang rendah, sistem penilaian, faktor demografi dan pengurusan sekolah, faktor kaedah pengajaran guru merupakan faktor utama yang turut menyumbang kepada kemerosotan enrolmen murid dalam subjek Biologi di Tingkatan Empat. Hal ini kerana kaedah pdp yang diamalkan guru mempengaruhi persepsi dan kerisauan murid terhadap pencapaian yang rendah dalam subjek Biologi (Phang et al., 2013). Justeru, kaedah pdp yang diamalkan guru amat penting bagi meningkatkan enrolmen murid dan pencapaian mereka dalam subjek Biologi di sekolah-sekolah menengah di Malaysia.

Kaedah pdp yang tidak selari dengan keperluan murid semasa memberikan persepsi yang negatif murid terhadap subjek Biologi serta memberi impak kepada pencapaian mereka. Murid sering menganggap subjek Biologi adalah sukar difahami (Çimer, 2012), abstrak (Sudarisman, 2015), kurang menarik (Prokop, Prokop, & Tunnicliffe, 2007) dan membosankan (Delpech, 2002). Kaedah pdp yang banyak menekankan teknik hafalan untuk mengingati istilah dan fakta bukan sahaja membebankan murid (O'Leonard, 2014), malahan menyebabkan mereka kurang bermotivasi untuk mempelajari subjek Biologi (Bramwell-Lalor & Rainford, 2014). Antara topik Biologi yang sering mendapat tanggapan negatif murid ialah topik Komposisi Kimia dalam Sel (Aziri & Che Nidzam, 2014). Topik ini merangkumi konsep biokimia yang mana murid perlu memahami konsep pada aras mikroskopik seperti unsur, sebatian dan molekul serta tindak balas biokimia yang berlaku di dalam sel. Topik ini juga merangkumi pembelajaran yang abstrak tentang enzim (Linenberger & Bretz, 2015), ciri-ciri enzim serta mekanisme tindak balas enzim-substrat serta kepentingannya kepada sel dan kehidupan seharian. Menurut Bruna (2013), murid sering kurang bermotivasi untuk mempelajari konsep enzim dan biokimia kerana ianya memerlukan pemikiran yang kompleks dan melibatkan gabungan dua disiplin ilmu yang berbeza iaitu Biologi dan Kimia. Konsep enzim pula sering dikaitkan dengan miskonsepsi dalam kalangan murid terutamanya dalam memahami konsep aktiviti enzim pada suhu yang optimum (Yip, 1998). Linenberger dan Bretz (2014) pula melaporkan bahawa murid sering mempunyai miskonsepsi berkenaan interaksi enzim-substrat dan menyatakan bahawa enzim dan substrat adalah seperti kepingan teka-teki yang bercantum. Oleh itu, kaedah pdp yang menepati keperluan murid masa kini amat penting untuk mengembalikan motivasi dan



pelibatan murid (Rohaila Rosly & Fariza Khalid, 2017) bagi mengurangkan miskonsepsi terhadap konsep-konsep yang dipelajari dalam topik Komposisi Kimia dalam Sel dan seterusnya meningkatkan pencapaian mereka dalam topik ini.

Golongan murid generasi kini yang lahir pada pertengahan tahun 1990 an hingga ke tahun 2010 dikenali sebagai Gen-Z. Gen-Z ini sering dikenali sebagai *digital native* yang sentiasa ingin mencuba sesuatu yang baru, suka belajar secara kreatif, interaktif, menyeronokkan dan suka berfikir di luar kotak serta berkembang selari dengan perkembangan teknologi (Posnick & Goodwin, 2010). Antara kaedah pdp yang sering diperkatakan sebagai menepati keperluan murid Gen-Z ini ialah pendekatan gamifikasi (Deterding, Khaled, Nacke & Dixon, 2011). Gamifikasi merupakan suatu kaedah pdp yang menggunakan elemen permainan untuk meningkatkan motivasi dan pelibatan murid dalam pembelajaran (Kirayakova, Angelova & Yordanova, 2013). Gamifikasi menggunakan elemen-elemen permainan seperti mekanik permainan, estetik, dan pemikiran permainan yang bertujuan untuk meningkatkan pelibatan murid, memotivasi suatu tindakan, menggalakkan pembelajaran serta menyelesaikan masalah (Kapp, 2012). Pelaksanaan gamifikasi dalam konteks pembelajaran sering menggunakan elemen-elemen seperti ganjaran, sistem mata, lencana, tahap perkembangan, cabaran, dan papan pendahulu dalam pembangunan reka bentuk gamifikasi sama ada secara digital atau bukan digital (Zichermann & Cunningham, 2012). Gamifikasi dapat memberi ruang kepada pembelajaran yang lebih inovatif dan fleksibel (Huang & Soman, 2013). Tambahan pula, gamifikasi juga telah mempunyai asas yang kukuh dalam banyak paradigma pendidikan sedia ada seperti pembelajaran berasaskan projek, pembelajaran



untuk penguasaan, dan pembelajaran kolaboratif (Haskell, 2012; Bergman, 2012; Foreman, 2004).

Gamifikasi sebagai kaedah pdp memberi kesan terhadap aspek motivasi, pelibatan dan pencapaian murid berdasarkan kepada kajian-kajian di luar negara. Kajian yang dijalankan oleh Hamari, Koivisto, dan Sarsa (2014) menunjukkan bahawa penggunaan gamifikasi dapat meningkatkan motivasi, pelibatan dan pencapaian murid di pelbagai peringkat pengajian. Kajian yang dibuat oleh Armier, Shepherd, dan Skrabut (2016) juga menunjukkan terdapat kesan positif penggunaan gamifikasi terhadap pelibatan guru pelatih dalam kursus integrasi teknologi. Begitu juga dengan kajian yang dijalankan oleh Tan dan Hew (2016) terhadap 22 murid pascasiswazah yang menunjukkan peningkatan dari segi motivasi, pelibatan dan pencapaian apabila kaedah gamifikasi digunakan.

Walaupun gamifikasi merupakan suatu trend yang semakin meningkat dalam dunia pendidikan dalam banyak kajian di luar negara, namun penyelidikan gamifikasi dalam bidang pendidikan di Malaysia masih belum meluas. Hal ini kerana tidak banyak laporan empirikal tentang keberkesanan gamifikasi terhadap pembelajaran dilaporkan di Malaysia (Ong, Yeng, Hong, & Young, 2013). Van Eck (2011) pula menyatakan bahawa walaupun terdapat peningkatan dalam penggunaan gamifikasi dalam bidang pendidikan, namun masih kurang penyelidikan dilakukan untuk mengesahkan keberkesanannya terutama dalam subjek Biologi. Kenyataan ini disokong oleh Erenli (2013), Goodwin (2013), Sams (2013) dan Chee (2012) yang menyatakan bahawa masih kurang kajian dilakukan untuk membuktikan keberkesanan gamifikasi dalam bidang pendidikan

Biologi. Hal ini kerana pendekatan gamifikasi ini masih belum meluas penggunaannya dalam kalangan guru di Malaysia (Ong et al., 2013). Menurut Sanmugam et al. (2016), antara faktor yang menyebabkan guru di Malaysia kurang menggunakan pendekatan gamifikasi di sekolah ialah disebabkan oleh masalah capaian internet dan kemudahan ICT yang terhad. Guru juga sering beranggapan bahawa gamifikasi memerlukan penggunaan platform digital dan kemudahan teknologi sedangkan pendekatan gamifikasi boleh juga digunakan dalam bentuk bukan digital seperti pembelajaran bermodul (Kapp, 2012).

Salah satu kelemahan pembelajaran yang menggunakan reka bentuk gamifikasi secara digital sepenuhnya menyebabkan murid lebih bertumpu kepada gajet dan komputer yang membawa impak ketagihan kepada murid (Wong, Maizatul Hayati & Tan, 2015). Kesan yang lebih buruk rentetan daripada ketagihan ini ialah masalah kepada kesihatan dan kerosakan tingkah laku murid (Cugelman, 2013). Tambahan pula reka bentuk gamifikasi secara digital sepenuhnya mengurangkan interaksi murid dengan guru kerana lebih berpusatkan kepada komunikasi satu hala (Hoong & Masood, 2014). Hal ini menjadikan sesi pdp yang lebih terbuka antara guru dan murid tidak dapat dicapai sepenuhnya. Justeru, keperluan kepada pembangunan reka bentuk gamifikasi tanpa pengintegrasian digital yang sarat seperti pembelajaran bermodul adalah satu kewajaran bagi mengurangkan implikasi negatif gamifikasi digital terhadap murid.

Justeru, berdasarkan kepada masalah-masalah yang telah dinyatakan, maka pembangunan sebuah modul pembelajaran berkonsepkan gamifikasi (Bio-GamyX)

khusus untuk topik Komposisi Kimia dalam Sel merupakan suatu keperluan. Pembangunan modul ini penting sebagai satu panduan langkah demi langkah kepada para pendidik untuk mengaplikasi elemen gamifikasi secara pembelajaran bermodul dengan cara yang betul. Hal ini kerana menurut Huang dan Soman (2013), antara faktor penyumbang kepada kegagalan gamifikasi dalam pembelajaran ialah kerana kurangnya kemahiran pendidik untuk melaksanakan langkah-langkah untuk mengaplikasi elemen gamifikasi yang bersesuaian dengan konteks murid. Cugelman (2013) pula menyatakan bahawa antara punca kegagalan gamifikasi dalam pembelajaran adalah kerana kebanyakan reka bentuk gamifikasi yang digunakan dibina oleh mereka yang tidak mempunyai latar belakang dalam bidang pendidikan dan kebergantungan kepada teknologi semata-mata. Dalam konteks pelaksanaan gamifikasi di sekolah-sekolah di Malaysia, penggunaan kaedah gamifikasi dalam pembelajaran ini juga perlu mengikut konteks dan budaya setempat agar kaedah gamifikasi yang digunakan dapat mencapai tahap yang optimum (Sanmugam et al., 2016). Pelaksanaannya juga perlulah mengambil kira kekangan yang wujud di sekolah bagi menjadikan kaedah gamifikasi ini suatu kaedah yang praktikal untuk dilaksanakan.

Oleh itu, kajian ini diharapkan dapat memberi sedikit sumbangan kepada pengetahuan dalam kaedah pdp subjek Biologi di peringkat sekolah menengah di samping menyediakan pengalaman dan pendedahan kepada para guru dan murid tentang konsep gamifikasi dalam pembelajaran. Kajian ini juga berguna untuk melihat impak gamifikasi terhadap motivasi, pelibatan dan pencapaian murid dalam Biologi terutamanya bagi topik Komposisi Kimia dalam Sel. Kajian ini juga diharapkan dapat memberikan



sedikit sebanyak maklumat kepada penyelidikan akan datang untuk melihat potensi gamifikasi dalam bentuk pembelajaran bermodul dalam konteks pendidikan Biologi di Malaysia secara lebih meluas dan mendalam.

#### **1.4 Tujuan Kajian**

Kajian ini bertujuan untuk membangunkan modul berkonseptan gamifikasi (Bio-GamyX) untuk topik Komposisi Kimia dalam Sel serta menguji kesan penggunaan modul terhadap motivasi, pelibatan dan pencapaian dalam topik Komposisi Kimia dalam Sel murid Tingkatan Empat.



#### **1.5 Objektif Kajian**

Berasaskan kepada tujuan kajian, objektif utama kajian ini adalah seperti berikut:

- i. Membangunkan modul Bio-GamyX bagi topik Komposisi Kimia dalam Sel yang mempunyai kesahan dan kebolehpercayaan yang baik untuk murid aliran sains Tingkatan Empat.
- ii. Menguji kesan penggunaan modul Bio-GamyX terhadap motivasi, pelibatan dan pencapaian dalam topik Komposisi Kimia dalam Sel berbanding kaedah pembelajaran konvensional.



## 1.6 Persoalan Kajian

Bagi mencapai objektif-objektif kajian ini, beberapa persoalan kajian dikemukakan seperti berikut:

- i. Adakah modul Bio-GamyX yang dibina mempunyai kesahan dan kebolehpercayaan yang baik?
- ii. Adakah wujud perbezaan yang signifikan bagi skor min ujian pra tahap motivasi, tahap pelibatan dan pencapaian topik Komposisi Kimia dalam Sel antara kumpulan rawatan dan kumpulan kawalan?
- iii. Adakah wujud perbezaan yang signifikan bagi skor min ujian pos tahap motivasi, tahap pelibatan dan pencapaian topik Komposisi Kimia dalam Sel antara kumpulan rawatan dan kumpulan kawalan?
- iv. Adakah wujud perbezaan yang signifikan bagi skor min tahap motivasi, tahap pelibatan dan pencapaian topik Komposisi Kimia dalam Sel antara ujian pra dan ujian pos dalam kumpulan rawatan berbanding kumpulan kawalan?

## 1.7 Hipotesis Kajian

Hipotesis-hipotesis nol dibina berdasarkan kepada soalan kajian kedua, ketiga dan keempat. Hipotesis-hipotesis nol yang dibina merangkumi kesan penggunaan modul Bio-GamyX terhadap tahap motivasi, tahap pelibatan dan pencapaian dalam topik Komposisi



Kimia dalam Sel beserta setiap konstruk bagi setiap pemboleh ubah bersandar yang dinyatakan.

Bagi menjawab soalan kajian kedua, hipotesis-hipotesis nol adalah seperti berikut:

Ho<sub>1.0</sub>: Tidak terdapat perbezaan yang signifikan bagi skor min ujian pra motivasi, pelibatan dan pencapaian dalam topik Komposisi Kimia dalam Sel antara kumpulan rawatan dan kumpulan kawalan.

Ho<sub>1.1</sub>: Tidak terdapat perbezaan yang signifikan bagi skor min ujian pra bagi konstruk-konstruk motivasi (intrinsik, ekstrinsik karier, ekstrinsik sosial, amotivasi) antara kumpulan rawatan dan kawalan.

Ho<sub>1.2</sub>: Tidak terdapat perbezaan yang signifikan bagi skor min ujian pra bagi konstruk-konstruk pelibatan (afektif, tingkah laku, kognitif, tiada pelibatan) antara kumpulan rawatan dan kawalan.

Ho<sub>1.3</sub>: Tidak terdapat perbezaan yang signifikan bagi skor min ujian pra bagi aras kognitif (aras kognitif rendah dan aras kognitif tinggi) pencapaian topik Komposisi Kimia dalam Sel antara kumpulan rawatan dan kawalan.





Bagi menjawab soalan kajian ketiga, hipotesis-hipotesis nol yang dibina mempunyai pemboleh ubah kawalan (kovariat) berdasarkan kepada dapatan pengujian hipotesis bagi soalan kajian kedua. Oleh itu, hipotesis-hipotesis nol bagi menjawab persoalan kajian ketiga adalah seperti berikut:

$H_02.0$ : Tidak terdapat perbezaan yang signifikan bagi skor min ujian pos tahap motivasi, tahap pelibatan dan pencapaian topik Komposisi Kimia dalam Sel antara kumpulan rawatan dan kumpulan kawalan dengan ujian pra pencapaian sebagai kovariat.

$H_02.1$ : Tidak terdapat perbezaan yang signifikan bagi skor min ujian pos bagi konstruk-konstruk motivasi (intrinsik, ekstrinsik karier, ekstrinsik sosial, amotivasi) antara kumpulan rawatan dan kawalan dengan keempat-empat konstruk motivasi dalam ujian pra sebagai kovariat.

$H_02.2$ : Tidak terdapat perbezaan yang signifikan bagi skor min ujian pos bagi konstruk-konstruk pelibatan (afektif, tingkah laku, kognitif, tiada pelibatan) antara kumpulan rawatan dan kawalan dengan konstruk ujian pra kognitif dijadikan sebagai kovariat.



Ho<sub>2.3</sub>: Tidak terdapat perbezaan yang signifikan bagi skor min ujian pos bagi aras kognitif (aras kognitif rendah dan aras kognitif tinggi) pencapaian dalam topik Komposisi Kimia dalam Sel antara kumpulan rawatan dan kawalan dengan ujian pra aras kognitif rendah sebagai kovariat.

Bagi menjawab soalan kajian ke empat, hipotesis-hipotesis nol adalah seperti berikut:

Ho<sub>3.0</sub>: Tidak terdapat perbezaan yang signifikan bagi skor min tahap motivasi, tahap pelibatan dan pencapaian dalam topik Komposisi Kimia dalam Sel antara ujian pra dan ujian pos bagi kumpulan rawatan berbanding kumpulan kawalan.

Ho<sub>3.1</sub>: Tidak terdapat perbezaan yang signifikan bagi skor min konstruk-konstruk motivasi motivasi (intrinsik, ekstrinsik karier, ekstrinsik sosial, amotivasi) antara ujian pra dan ujian pos bagi kumpulan rawatan berbanding kumpulan kawalan.

Ho<sub>3.2</sub>: Tidak terdapat perbezaan yang signifikan bagi skor min konstruk-konstruk pelibatan (afektif, tingkah laku, kognitif, tiada pelibatan) antara ujian pra dan ujian pos bagi kumpulan rawatan berbanding kumpulan kawalan.

Ho<sub>3.3</sub>: Tidak terdapat perbezaan yang signifikan bagi skor min aras kognitif (aras kognitif rendah dan aras kognitif tinggi) pencapaian dalam topik Komposisi Kimia dalam Sel antara ujian pra dan ujian pos bagi kumpulan rawatan berbanding kumpulan kawalan.

## 1.8 Kerangka Teoretikal dan Konseptual Kajian

Kajian ini melibatkan dua fasa utama iaitu fasa pembangunan modul Bio-GamyX dan fasa penilaian modul. Untuk itu, dalam fasa pertama iaitu fasa pembangunan modul, kajian ini menggunakan Model Pembinaan Modul Sidek (2005) yang diintegrasikan dengan Lima Langkah Mengaplikasi Gamifikasi dalam Pembelajaran (Huang & Soman, 2013) sebagai teori asas dalam pembangunan modul menggunakan pendekatan gamifikasi. Selain itu, kajian ini juga menggunakan teori pembelajaran dan teori psikologi dalam merangka aktiviti-aktiviti modul bagi memastikan modul yang dibangunkan menepati matlamat pembinaannya.

Terdapat pelbagai model pembangunan modul yang telah digunakan dalam tinjauan literatur dalam penyelidikan berkaitan pembelajaran bermodul. Antaranya ialah Model Pembinaan Modul Russell (1974), Model Pembinaan Modul Sidek (2005) dan Model Pembinaan Modul Sharifah Alwiah Alsagoff (1981). Setelah penyelidik meneliti model-model pembinaan modul ini, Model Pembinaan Modul Sidek (2005) dipilih berbanding Model Pembinaan Modul Russell (1974) dan Model Pembinaan Modul Sharifah Alwiah Alsagoff (1981) dalam pembinaan modul gamifikasi Bio-GamyX ini. Hal ini kerana Model Pembinaan Modul Sidek (2005) didapati lebih kompleks dengan cadangan Lima Langkah Mengaplikasi Gamifikasi Dalam Pembelajaran oleh Huang dan Soman (2013). Selain itu, Model Pembinaan Modul Sidek (2005) juga mempunyai peringkat-peringkat pembinaan modul yang sistematik dan terperinci bagi menghasilkan modul yang berkualiti. Justeru, modul Bio-GamyX ini dibina berdasarkan



pengintegrasian Model Pembinaan Modul Sidek (2005) dan Lima Langkah Mengaplikasi Gamifikasi dalam Pembelajaran oleh Huang dan Soman (2013).

Teori-teori pembelajaran yang menjadi kerangka teori kajian ini ialah Teori Konstruktivisme dan Teori Behaviorisme. Menurut Piaget (1980), teori Konstruktivisme menyatakan bahawa pembelajaran merupakan proses di mana individu membina pengetahuan secara aktif melalui proses asimilasi dan akomodasi pengetahuan berdasarkan skema-skema yang sedia ada dalam pemikiran kanak-kanak. Piaget juga berpendapat bahawa setiap kanak-kanak mempunyai tahap kecepatan perkembangan kognitif berbeza secara berperingkat. Menurut beliau, peringkat yang lebih awal amat penting kerana ia menjadi asas kepada peringkat –peringkat perkembangan kognitif yang lebih tinggi. Elemen-elemen dalam teori Konstruktivisme ini menepati konsep gamifikasi di mana murid perlu menguasai konsep dan kemahiran asas sebelum dibenarkan melaksanakan tugas di peringkat yang lebih sukar. Teori Konstruktivisme juga menekankan pembinaan pengetahuan murid melalui pengalaman dan persekitaran (Elliott Kratochwill, Littlefield, & Travers, 2000). Menurut Vygotsky (1978), interaksi sosial memainkan peranan penting dalam pembangunan kognitif kanak-kanak. Teori ini juga lebih menekankan kepada peranan pengajaran dan interaksi sosial bagi perkembangan pengetahuan. Teori Konstruktivisme juga menekankan pembelajaran secara kolaboratif di mana murid-murid saling berkongsi maklumat dan idea untuk menyelesaikan sesuatu permasalahan dalam kumpulan-kumpulan kecil manakala guru bertindak sebagai fasilitator. Menurut Vygotsky (1978), interaksi sosial dalam proses pembelajaran ini juga secara tidak langsung berpengaruh dalam mewujudkan motivasi intrinsik dan motivasi



ekstrinsik dalam diri murid. Hal ini bertepatan dengan proses gamifikasi dalam pembelajaran di mana pembelajaran kolaboratif merupakan antara elemen penting untuk mengekalkan penglibatan murid di samping mewujudkan motivasi dan persaingan yang sihat dalam kalangan mereka.

Selain itu, pembangunan modul Bio-GamyX juga bertunjangkan Teori Behaviorisme. Teori ini menyatakan bahawa pembelajaran berlaku apabila individu menunjukkan tingkah laku tertentu berdasarkan kepada persekitaran serta stimulus yang diberikan. Antara pendokong kuat teori Behaviorisme ini ialah B.F Skinner (1951) melalui Teori Pelaziman Operan. Skinner memperkembangkan teknik ‘pembentukan’ (*shaping*) bagi melatih haiwan untuk menguasai suatu tingkah laku yang kompleks yang juga boleh diimplikasikan kepada tingkah laku manusia. Teknik pembentukan ialah satu kaedah memberi peneguhan sama ada peneguhan positif atau negatif kepada organisma setiap kali ia bertindak ke arah satu tingkah laku yang diingini atau tidak diingini. Pemberian peneguhan ini diberikan secara berterusan sehingga organisma tersebut menguasai atau belajar tentang tingkah laku berkenaan. Prosedur pembentukan ini boleh digunakan untuk mengawal tingkah laku seseorang murid untuk mencapai suatu objektif pembelajaran dan ianya juga merupakan satu cara untuk memotivasi murid dalam proses pdp. Dalam pendekatan gamifikasi pembelajaran, teori Behaviorisme digunakan untuk memotivasi murid untuk mencapai suatu matlamat yang diingini dengan mengubah tingkah laku murid ke arah yang lebih positif dengan pemberian peneguhan. Peneguhan yang diberikan kepada murid dalam pendekatan gamifikasi adalah melalui pengintegrasian elemen-elemen gamifikasi tertentu seperti pemberian mata ganjaran,

penggunaan papan pendahulu (*leaderboard*) serta penetapan masa untuk menyiapkan tugas dalam proses gamifikasi.

Selain daripada teori pembelajaran, kajian ini juga menggunakan dua teori psikologi utama iaitu Teori Penentuan Diri (Ryan & Deci, 2000) dan teori *Flow* (Csikzentmihalyi, 1975). Kedua-dua teori ini menerangkan aspek-aspek psikologi yang terkandung dalam pendekatan gamifikasi dalam pembelajaran. Teori Penentuan Diri yang diperkenalkan oleh Ryan dan Deci (2000) menerangkan bahawa kekuatan motivasi seseorang untuk melakukan sesuatu tugas adalah banyak bergantung kepada motivasi intrinsik berbanding motivasi ekstrinsik. Elemen-elemen yang terdapat dalam teori ini ialah autonomi, kompetens, dan kekitaan. Autonomi ialah satu perasaan untuk mengawal dan menentukan hasil tindakan mereka. Autonomi ini dirasai apabila seseorang dapat menentukan apa yang ingin mereka buat tanpa paksaan. Kompetens pula ialah keperluan seseorang kepada cabaran dan penguasaan. Kompetens berlaku apabila seseorang berpeluang untuk menguasai kemahiran baru atau dicabar. Manakala elemen kekitaan pula akan wujud apabila seseorang mempunyai rasa berhubungan dengan orang lain. Rasa kekitaan dapat dipupuk apabila murid melakukan tugas bersama-sama. Elemen-elemen autonomi, kompetens dan kekitaan ini akan mewujudkan motivasi intrinsik kepada seseorang dalam melakukan sesuatu aktiviti. Dalam gamifikasi, elemen autonomi, kompetens dan kekitaan merupakan daya penarik kepada pelibatan murid dalam sesuatu permainan atau aktiviti kerana wujudnya faktor keseronokan (Ryan, Rigby & Przybylski, 2006). Namun begitu, Kapp (2012) menegaskan bahawa motivasi intrinsik dan motivasi ekstrinsik perlu bergerak seiring bagi memotivasi murid untuk melakukan suatu


tugasan. Oleh itu, berdasarkan teori ini, dalam pelaksanaan pembelajaran berkonsepkan gamifikasi, murid-murid diberi kebebasan untuk memilih (autonomi) tugas yang bersesuaian dengan mereka, mereka juga dicabar pada peringkat-peringkat tertentu (kompetensi) dan bekerja secara berkumpulan (kekitaan) bagi mewujudkan motivasi intrinsik. Pada masa yang sama, motivasi ekstrinsik dibekalkan kepada murid menerusi paparan papan pendahulu, prestasi murid melalui pengumpulan lencana, sistem mata dan ganjaran.

Teori psikologi kedua yang digunakan dalam pembangunan modul Bio-GamyX ini ialah Teori *Flow* (Csikzentmihalyi, 1975). *Flow* ialah keadaan psikologi individu apabila ia berasa teruja, bermotivasi, gembira dan bersemangat untuk melakukan sesuatu tugas atau aktiviti. Keadaan *Flow* yang optimal dapat dicapai apabila individu tersebut terlibat secara menyeluruh dan mempunyai fokus yang tinggi dalam aktiviti yang dilaksanakan. Dalam konteks pembelajaran, seseorang yang mencapai keadaan psikologi *Flow* dapat belajar dengan lebih mendalam serta mempunyai kepuasan yang tinggi dalam aktiviti akademik yang dilakukan. Untuk itu, dalam pembangunan modul Bio-GamyX, teori *Flow* digunakan bagi mereka bentuk pendekatan pembelajaran gamifikasi dengan memasukkan unsur-unsur berbentuk naratif, cabaran, objektif aktiviti yang jelas, aktiviti-aktiviti yang membina hubungan sosial serta menarik melalui pengintegrasian elemen-elemen gamifikasi kendiri dan sosial.



Oleh itu, kerangka teori bagi kajian ini adalah berlandaskan kepada beberapa teori yang merangkumi integrasi teori pembangunan modul dan teori gamifikasi dalam pembelajaran, teori-teori pembelajaran serta teori psikologi. Teori-teori tersebut adalah model Pembangunan Modul Sidek (2005), Lima Langkah Mengaplikasi Gamifikasi dalam Pembelajaran (Huang & Soman, 2013), teori Konstruktivisme, teori Behaviorisme, teori Penentuan Diri serta teori *Flow*. Teori-teori ini merupakan tunjang kepada pembinaan modul gamifikasi Bio-GamyX dalam kajian ini. Rajah 1.1 menunjukkan gambaran kerangka teoretikal kajian ini.





Rajah 1.1. Kerangka Teoretikal Kajian


Kajian ini terdiri daripada dua fasa utama iaitu fasa pembangunan modul Bio-GamyX dan fasa pelaksanaan dan penilaian modul Bio-GamyX. Oleh itu, fokus kajian ini ialah untuk membangunkan modul Bio-GamyX serta melihat kesan penggunaan modul Bio-GamyX sebagai intervensi kepada kumpulan rawatan dibandingkan dengan kaedah pengajaran konvensional dalam kumpulan kawalan. Kedua-dua kumpulan diuji dari



aspek tahap motivasi, tahap pelibatan dan pencapaian sebagai pemboleh ubah bergerakbalas. Oleh itu, kajian ini menggunakan reka bentuk kajian kuasi eksperimen bagi melihat keberkesanan modul Bio-GamyX yang digunakan. Keberkesanan penggunaan modul gamifikasi ini dinilai berdasarkan kepada tiga aspek. Aspek yang pertama ialah kesan gamifikasi terhadap motivasi murid. Aspek yang kedua ialah kesan gamifikasi terhadap pelibatan murid manakala aspek yang ketiga ialah kesan gamifikasi terhadap pencapaian dalam topik Komposisi Kimia dalam Sel. Oleh itu, aspek tahap motivasi, tahap pelibatan dan pencapaian merupakan pemboleh ubah bersandar dalam kajian ini. Kajian ini juga memperincikan impak modul terhadap setiap konstruk bagi ketiga-tiga pemboleh ubah bersandar yang dinyatakan. Konstruk-konstruk bagi tahap motivasi ialah motivasi intrinsik, ekstrinsik karier, ekstrinsik sosial dan amotivasi.

Manakala konstruk-konstruk bagi tahap pelibatan pula ialah pelibatan afektif, tingkah laku, kognitif dan tiada pelibatan. Konstruk-konstruk pencapaian topik Komposisi Kimia dalam Sel pula terdiri daripada pencapaian aras kognitif rendah dan pencapaian aras kognitif tinggi. Rajah 1.2 di bawah menerangkan secara grafik kerangka konseptual kajian ini.





Rajah 1.2. Kerangka Konseptual Kajian

## 1.9 Kepentingan Kajian

### 1.9.1 Murid

Pelbagai kajian lepas telah mengaitkan gamifikasi sebagai satu proses yang boleh meningkatkan tahap pelibatan, motivasi dan pencapaian murid dalam mempelajari sesuatu topik (Cugelman, Ong, Chan & Koh, 2013; Lee & Hammer, 2011). Di samping itu, dengan penggunaan elemen gamifikasi, murid berupaya untuk bersaing secara sihat, mewujudkan rangkaian komunikasi antara rakan sebaya dan guru serta bekerja secara kolaboratif bagi melaksanakan sesuatu tugas yang diberikan dalam suasana seperti ‘bermain’ yang menyeronokkan. Penggunaan elemen gamifikasi juga dapat menggalakkan murid untuk mencuba suatu tugas yang lebih mencabar minda bagi menyelesaikan permasalahan. Oleh itu, penggunaan modul Bio-GamyX ini diharapkan dapat dimanfaatkan oleh murid-murid Tingkatan Empat untuk meningkatkan tahap motivasi dan tahap penglibatan mereka dalam proses pdp serta meningkatkan pencapaian mereka dalam topik Komposisi Kimia dalam Sel secara khususnya. Di samping itu, penggunaan modul ini diharapkan dapat memberi peluang kepada murid-murid untuk merasai sendiri pengalaman pembelajaran bermodul berkonsepkan gamifikasi dalam sesi pdp di sekolah.

### 1.9.2 Guru

Kajian ini diharapkan dapat memberi suatu pengalaman baharu yang dapat mencorakkan kedinamikan pengajaran dan pembelajaran guru sedia ada di bilik darjah. Pendekatan pembelajaran bermodul berkonsepkan gamifikasi masih belum diguna pakai secara meluas dalam konteks bidang pembelajaran subjek Biologi di Malaysia. Oleh kerana pendekatan gamifikasi telah dikenalpasti sebagai satu idea penting dalam prospek pendidikan (Siti Nurul Mahfuzah, Sazilah & Norasiken, 2017), maka kehadiran modul Bio-GamyX ini sedikit sebanyak dapat memberikan idea dan maklumat kepada guru untuk melaksanakan pdp yang berkonsepkan gamifikasi dalam bilik darjah. Memandangkan amat sedikit kajian berkenaan modul Biologi yang mengintegrasikan konsep gamifikasi secara berstruktur yang telah dibuat dalam kajian-kajian lepas, maka diharapkan modul Bio-GamyX ini kelak dapat digunakan sebagai suatu panduan awal kepada pengintegrasian konsep gamifikasi dalam pengajaran dan pembelajaran Biologi di sekolah. Di samping itu, modul ini juga diharapkan dapat menjadi suatu alternatif dan inovasi kepada kaedah pengajaran guru sedia ada bagi mengelakkan kebosanan dan keciciran murid dalam mempelajari subjek Biologi.

### 1.9.3 Kementerian Pendidikan Malaysia

Fokus pendidikan pada masa kini lebih terarah kepada penerapan kemahiran berfikir dalam sesi pengajaran dan pembelajaran. Walaupun terdapat pelbagai kaedah yang sedia ada digunakan oleh guru dalam menerapkan elemen KBAT ini, namun hasilnya masih tidak memberangsangkan jika motivasi dan pelibatan murid masih rendah dalam aktiviti pdp di sekolah. Oleh itu, aspirasi negara untuk mencapai kedudukan satu per tiga teratas bagi ujian pentaksiran TIMSS dan PISA dalam jangka masa 15 tahun sukar dicapai. Oleh itu, pembangunan modul Bio-GamyX ini diharapkan dapat memberikan sedikit sumbangan kepada KPM terutama dalam meneroka potensi gamifikasi sebagai satu kaedah alternatif untuk memotivasi dan meningkatkan pelibatan murid dalam aktiviti pdp secara berterusan. Hal ini disokong oleh kajian-kajian lepas di luar negara yang juga mendapati gamifikasi mempunyai kesan yang signifikan terhadap pencapaian murid dari pelbagai institusi pendidikan (Khaleel, 2016; Seaborn, 2015). Kajian berkaitan gamifikasi dalam pendidikan Biologi juga masih kurang dijalankan. Oleh itu, kajian ini juga diharapkan dapat memberi peluang kepada penyelidik lain untuk meneroka dengan lebih luas bidang kajian yang melibatkan gamifikasi dalam pendidikan di Malaysia. Dapatkan kajian ini juga sekurang-kurangnya dapat memberi sedikit idea kepada KPM untuk memperluaskan kaedah pdp berkonsepkan gamifikasi dalam bentuk pembelajaran bermodul untuk digunakan sebagai latihan kepada guru-guru bagi meningkatkan motivasi, pelibatan dan pencapaian murid dalam sesi pembelajaran di sekolah-sekolah.



## 1.10 Batasan Kajian

Kajian ini terbatas kepada murid aliran sains Tingkatan Empat di tiga buah sekolah dalam daerah Kinta Selatan, Perak. Bidang pembelajaran yang digunakan dalam pembinaan Modul Bio-GamyX pula terhad kepada topik Komposisi Kimia Dalam Sel berpandukan kepada Huraian Sukatan Pelajaran Biologi KBSM Tingkatan Empat. Sampel kajian adalah murid aliran sains tingkatan Empat seramai 99 orang dari tiga buah sekolah yang dipilih secara rawak dalam kelas yang sedia ada. Batasan kajian ini juga meliputi penggunaan konsep gamifikasi dalam bentuk pembelajaran bermodul tanpa penggunaan aspek digital yang sarat memandangkan kekangan terhadap kemudahan ICT seperti capaian internet dan peralatan komputer di sekolah-sekolah populasi kajian yang terhad.

Kajian ini juga terhad dalam tempoh masa tertentu dan berdasarkan kepada kemampuan penyelidik dari segi kewangan, masa, sumber dan tenaga. Dapatan kajian ini juga tidak boleh digeneralisasikan kepada keseluruhan murid aliran sains Tingkatan Empat di seluruh Malaysia dan generalisasi hanya terhad kepada populasi yang mempunyai ciri-ciri yang setara dengan sampel kajian.





## 1.11 Definisi Operasi

Beberapa istilah yang digunakan dalam kajian ini dibincangkan dan dirumuskan definisi operasinya. Istilah-istilah berikut ialah:

### 1.11.1 Gamifikasi dalam Pembelajaran

Gamifikasi merupakan istilah yang dipinjam daripada Bahasa Inggeris iaitu *Gamification*.

Menurut (Deterding et al., 2011), gamifikasi didefinisikan sebagai penggunaan elemen reka bentuk permainan dalam konteks bukan permainan. Dalam kajian ini, gamifikasi dalam pembelajaran didefinisikan sebagai penggunaan elemen-elemen permainan atau mekanik permainan seperti sistem mata (*point system*), tahap kesukaran (*levels*), papan pendahulu (*leaderboards*), lencana pencapaian (*badge*), ganjaran (*rewards*) dan lain-lain sebagai satu kaedah dalam bentuk pembelajaran bermodul.

### 1.11.2 Motivasi

Motivasi adalah satu faktor yang boleh mendorong seseorang untuk mencapai matlamat yang memenuhi keperluan psikologinya (Anderson, 2007). Menurut Dewan Bahasa dan Pustaka Edisi Keempat (2005), motivasi didefinisikan sebagai keinginan yang keras atau semangat yang kuat pada diri seseorang yang mendorongnya untuk berusaha atau



melakukan sesuatu dengan tujuan untuk mencapai kejayaan. Dalam konteks kajian ini, motivasi merujuk kepada kecenderungan, keinginan dan semangat yang kuat pada seseorang murid untuk mempelajari topik Komposisi Kimia dalam Sel. Tahap motivasi murid ini dinilai berdasarkan kepada beberapa konstruk iaitu motivasi intrinsik, ekstrinsik sosial, ekstrinsik karier dan amotivasi. Tahap motivasi murid dalam kajian ini diukur berdasarkan instrumen soal selidik Skala Motivasi Akademik untuk Pembelajaran Biologi (SMAB) oleh Aydin, Yerdelen, Yalmancı, & Göksu (2014).

### 1.11.3 Pencapaian

Dewan Bahasa dan Pustaka (2005) mendefinisikan pencapaian sebagai sesuatu yang dicapai atau sesuatu yang telah berjaya dilaksanakan dengan usaha dan ketekunan. Dalam kajian ini, pencapaian ditakrifkan sebagai keupayaan murid menjawab item ujian pencapaian bagi menguasai konsep dan kemahiran Biologi pada aras mengingat, memahami, mengaplikasi, menganalisis dan menilai pada aras Taksonomi Bloom (Anderson, 2010) bagi topik Komposisi Kimia dalam Sel. Pencapaian ini diukur dari segi keupayaan murid menjawab soalan-soalan aras kognitif rendah (mengingat dan memahami) dan aras kognitif tinggi (mengaplikasi, menganalisis dan menilai) menggunakan instrumen Ujian Pencapaian Komposisi Kimia dalam Sel.



#### 1.11.4 Pelibatan

Pelibatan merupakan manifestasi kepada motivasi murid dalam pembelajaran (Barkley, 2010). Pelibatan adalah spesifik bagi setiap murid dalam sesuatu kelas. Contohnya, seorang murid mungkin mempunyai tahap pelibatan yang tinggi dalam kelas Sains tetapi tidak dalam kelas lain. Oleh itu, pelibatan dalam skop kajian ini terbahagi kepada empat dimensi iaitu pelibatan afektif, penglibatan tingkah laku, pelibatan kognitif dan tiada penglibatan. Tahap pelibatan murid ini diukur menggunakan *Classroom Engagement Inventory* (CEI) yang dibina oleh Wang, Bergin dan Bergin (2014).



#### 1.11.5 Modul Bio-GamyX



Modul Bio-GamyX merujuk kepada satu modul pembelajaran khusus bagi topik Komposisi Kimia dalam Sel bagi subjek Biologi. Modul ini dibina berpandukan kepada Model Pembangunan Modul Sidek (2005) dan Lima Langkah Mengaplikasi Gamifikasi Dalam Pembelajaran oleh Huang dan Soman (2013). Modul ini terdiri daripada lapan sesi atau unit dan 34 aktiviti yang merangkumi keseluruhan topik Komposisi Kimia dalam Sel. Objektif pembelajaran yang digunakan dalam modul ini adalah berpandukan kepada Huraian Sukatan Pelajaran Biologi Tingkatan Empat (KPM, 2012).





### 1.11.6 Komposisi Kimia dalam Sel

Komposisi Kimia dalam Sel merupakan topik ke empat dalam silibus pembelajaran Biologi Tingkatan Empat di bawah tema Menyiasat Sel sebagai Unit Asas Kehidupan. Tema ini bertujuan untuk memberi kefahaman berkenaan fungsi sel sebagai blok binaan asas sel yang unik dan berfungsi. Objektif pembelajaran topik Komposisi Kimia dalam Sel berfokuskan kepada mensintesikan idea tentang kandungan bahan kimia dalam sel dengan berpandukan kepada tiga aras pembelajaran. Pembelajaran aras pertama merupakan pengetahuan asas berkenaan unsur dan sebatian kimia dalam sel. Pembelajaran aras kedua berfokuskan kepada penerangan tentang kepentingan sebatian organik dan air dalam sel. Manakala pembelajaran aras ketiga menitik beratkan kemahiran amali iaitu berkenaan eksperimen berkaitan enzim dan faktor-faktor yang mempengaruhi tindak balas enzim.





## 1.12 Rumusan

Dalam bab ini, beberapa perkara telah dibincangkan iaitu tentang latar belakang kajian, pernyataan masalah, tujuan dan objektif kajian, soalan kajian, hipotesis kajian, kepentingan kajian, kerangka teoretikal dan konseptual kajian serta definisi operasi bagi istilah-istilah penting yang digunakan dalam kajian ini. Dalam bab yang kedua, perbincangan mengenai gamifikasi dalam pembelajaran dilanjutkan mengenai sejarah kemunculannya dalam sistem pendidikan di dalam dan di luar negara serta isu-isu yang timbul dalam pelaksanaan gamifikasi dalam konteks pendidikan. Di samping itu, perbincangan lanjut juga dibuat tentang pemboleh ubah-pemboleh ubah penting, teori-teori dan model yang mendasari pembinaan modul gamifikasi Bio-GamyX.

